



## Teori *Hifz Al-Nafs* Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan

Maqasid  
Syariah

### *The Theory of Hifz Al-Nafs In Maqasid Syariah: Argumentation Analysis*

01

MUHAMMAD MUSTAQIM ROSLAN

(Corresponding Author)

ANWAR OSMAN ZAINURI

Fakulti Pengajian Islam & Sains Sosial

Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

[muhd.mustaqim@usas.edu.my](mailto:muhd.mustaqim@usas.edu.my)

[anwar.osmanzainuri@usas.edu.my](mailto:anwar.osmanzainuri@usas.edu.my)

Submitted: 01 August 2022

Revised: 23 November 2022

Accepted: 21 December 2022

E-Published: 30 April 2023

#### ABSTRAK

*Hifz al-Nafs* bukanlah satu istilah yang janggal dalam Maqasid Syariah. Ia sering diertikan sebagai 'menjaga nyawa' bagi kalangan ahli Fiqh dan Usul apabila dikaitkan dengan hukuman qisas. Namun begitu, terma *al-nafs* dan kata jamaknya *al-anfus* yang terdapat di dalam al-Quran sebanyak 266 kali membawa pengertian yang begitu luas. Pemahaman umat Islam terhadap istilah *Hifz al-Nafs* dengan mengecilkkan maksud penggunaannya hanya kepada 'menjaga nyawa' mengundang kekeliruan sehingga menjadikan mereka begitu sempit dalam memahaminya. Oleh yang demikian, artikel ini mengetengahkan objektif utama iaitu menganalisis teori *Hifz al-Nafs* dari sudut pendalilannya melalui surah-surah pilihan di dalam al-Quran. Ia bertujuan agar pengertian *Hifz al-Nafs* itu dapat dianalisis maksudnya dengan lebih mendalam dari sumber utama umat Islam. Falsafah di sebalik artikel ini ialah interpretif dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasikan reka bentuk kajian. Kaedah pengumpulan dan analisis data ialah analisis kandungan dokumen dengan menganalisis sampel utama daripada peruntukan dalam al-Quran yang berkaitan dengan *al-nafs*. Ia dijadikan sebagai data primer dalam kajian ini kerana data tersebut adalah daripada sumber langsung, berautoriti dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pandangan atau pendapat individu. Selain itu juga, data sekunder bagi kajian ini ialah perbincangan yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir, buku-buku akademik, jurnal dan kajian ilmiah lepas digunakan dalam artikel ini. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pendalilan *Hifz al-Nafs* yang dianalisis pengkaji adalah merujuk kepada menjaga jiwa dari dimensi rohani. Pengkaji turut mendapati bahawa dimensi rohani dalam penjagaan jiwa ini adalah berfokus kepada "penyucian jiwa". Ini bererti bahawa menjaga rohani dalam jiwa manusia itu adalah penting agar diri manusia itu tidak terdorong untuk melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan diri dan nyawa. Ia juga adalah tidak selari dengan teori *Hifz al-Nafs* seperti yang diinginkan oleh syarak.

**Kata kunci:** *Hifz al-Nafs*, jiwa, pendalilan, rohani, teori.





## ABSTRACT

*Hifz al-Nafs* is not a strange term in Maqasid Syariah. It is often interpreted as 'preserving life' among Fiqh and Usul scholars in relation to Qisas. Nevertheless, the fact that *al-nafs* and the plural word *al-anfus* mentioned in the Quran 266 times carries such a broad meaning. Muslims' understanding of the term *Hifz al-Nafs* by limiting its meaning to only 'preserving life' brings confusion and makes the understanding narrow. This article aims to analyze the theory of *Hifz al-Nafs* from its reasoning through selected chapters in the Quran. It is so that the meaning of *Hifz al-nafs* can be analyzed more deeply from the main legislative sources. The article is interpretive and uses a qualitative approach in adapting the research design. The data collection and analysis is based on document content analysis by analyzing provisions in the Quran related to *al-nafs*. It is used as primary data in this study as the data is from a direct, authoritative source and without any individual influence or opinion. In addition, the secondary data for this study are discussions found in books of tafsir, academic writings, journals and past scientific studies. The findings show that the argument of *Hifz al-Nafs* analyzed by the researcher refers to guarding the soul from the spiritual dimension. The researcher also found that the spiritual dimension in soul protection is focused on "soul purification". This means that taking care of the spiritual in the human soul is important to the point that the human being is not motivated to inflict harm to oneself. It is also not in line with the theory of *Hifz al-Nafs* as lined in Syariah.

**Keywords:** *Hifz al-nafs*, life, argumentation, spiritual, theory.

## PENGENALAN

*Hifz al-Nafs* merupakan salah satu cabang daripada cabang-cabang *dharuriyyat* dalam Maqasid Syariah. Perkataan *hifz* bererti menjaga (Munawwir, 1996, hlm. 279 & 1446) dan perkataan *al-nafs* pula bermaksud roh, jasad, darah, saudara dan di sisi (Ibn Manzur, 2012). Ia sering diertikan oleh para fuqaha sebagai 'menjaga nyawa' bersesuaian dengan kehendak syarak dalam hukuman qisas dan diyat. Diperundangkan hukuman qisas adalah untuk menjaga nyawa daripada hilang, menjaga keselamatan diri daripada dicabuli, menggerunkan orang yang bercita-cita untuk melakukan jenayah bunuh atau cedera dan menghalang orang yang pernah melakukannya agar tidak mengulangnya. Ini adalah hikmah umum dan masalah jelas yang dipelihara oleh syarak" (al-Juwayni, 2003, hlm. 95).

Namun begitu, terma *Hifz al-Nafs* itu sendiri tidak dijelaskan secara *qat'i* di dalam al-Quran dan Sunnah. Menurut Abu Rayya, terma *al-nafs* dan kata jamaknya *al-anfus* muncul sebanyak 266 kali dalam al-Quran (Abu Rayya, 2012, hlm. 217-233). Kesemua dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Quran berkaitan terma ini tidaklah semuanya membawa penjelasan 'menjaga nyawa' secara *qat'i*. Atas sebab itulah, kebanyakan ilmuwan Islam tidak selari memberikan pandangan dalam mentakrifkan *Hifz al-nafs* bahkan mereka menterjemahkan *Hifz al-Nafs* itu pada sudut pandang yang berbeza.



Sebagai contohnya, Ahmad Raysuni menjelaskan bahawa al-Shatibi pernah mentakrifkan *Hifz al-Nafs* itu ialah pemeliharaan hidup yang boleh dicapai dengan tiga cara iaitu mewujudkan asas kekeluargaan melalui perkahwinan yang sah, memastikan kelangsungan hidup melalui makanan dan minuman yang halal dan suci dan menyediakan pakaian dan tempat (Raysuni, 1995). Al-Ghazzali pula menjelaskan bahawa *Hifz al-nafs* itu bermaksud memelihara kehidupan manusia melalui peruntukan undang-undang dan hukuman yang boleh menjamin hak hidup manusia (al-Ghazzali, 1997). Ini jelas menunjukkan bahawa takrifan mereka terhadap *Hifz al-nafs* itu bukanlah hanya merujuk kepada 'menjaga nyawa' semata-mata.

Oleh yang demikian, pengkaji menyelusuri beberapa dalil yang dipilih berkaitan dengan *Hifz al-Nafs* bagi mengenal pasti teori *Hifz al-Nafs* yang dimaksudkan di dalam al-Quran. Dalil-dalil ini diambil daripada literatur-literatur lepas sebagai sokongan pengkaji dalam membincangkan teori ini. Terdapat empat dalil yang berkaitan dengan *Hifz al-Nafs* di dalam al-Quran yang menjadi perbincangan pengkaji iaitu dari Surah al-Ra'd ayat 28, Surah al-Shams ayat 7-10, Surah al-Fajr ayat 27-28 dan Surah Yusuf ayat 53. Oleh itu, secara khususnya artikel ini akan menjawab satu persoalan sahaja iaitu:

1. Apakah teori *Hifz al-Nafs* dari empat dalil yang telah dikenal pasti di dalam al-Quran?

## SOROTAN DAN METODOLOGI

Pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas yang berlegar di bawah skop *Hifz al-Nafs* bagi memperkukuhkan lagi perbincangan artikel ini. Pertamanya pengkaji mulakan dengan kajian (Mohamad, Hamjah, Mokhtar, & Ghani, 2017) bertajuk "**Takziyyat al-Nafs dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah. Al-Hikmah**". Takziyyah *al-nafs* ialah suatu proses pendidikan jiwa yang berpandukan Islam dalam bentuk penyucian dalaman dan perkembangan luaran supaya dapat mengekang kemahuan dan sifat buruk yang membawa kepada kerosakan kepada jiwa. Ia dilihat selari dengan salah satu perbahasan Maqasid Syariah iaitu *Hifz al-nafs*. Oleh itu, kajian mereka bertujuan menjelaskan konsep *Takziyyah al-Nafs* seterusnya konsep Maqasid Syariah itu sendiri secara umum dan *Hifz al-Nafs* secara khusus bagi melihat keberadaan *Takziyyah al-Nafs* dalam kerangka Maqasid Syariah. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa *Takziyyah al-Nafs* ialah salah satu cabang Maqasid Syariah yang terkandung dalam *Hifz al-nafs*. Walaupun kajian ini membincangkan berkaitan *Hifz al-Nafs*, namun ia tidaklah berfokus kepada analisis pendalilan yang diketengahkan oleh penulis dalam artikel ini.

Menurut (Harun & Ali, 2021) dalam artikelnya berjudul "**Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Syariah dalam Menghadapi Pandemik Covid-19**", konsep pemeliharaan nyawa (*Hifz al-Nafs*) adalah salah satu daripada lima konsep utama yang dihuraikan oleh ulama dalam kerangka Maqasid Syariah. Menjaga nyawa sangat penting kerana ianya perlu bagi memastikan manusia dapat meneruskan kehidupan dan melaksanakan amanah pengabdian kepada Allah apatah lagi ketika menghadapi ujian yang besar seperti pandemik virus Covid-19.



Namun ada dalam kalangan masyarakat yang tidak mengambil berat persoalan menjaga nyawa terutama apabila isu Covid-19 ini berlaku. Usaha yang digerakkan oleh pihak berkuasa seperti kempen penjarakan sosial (*social distancing*) dan kempen duduk di rumah (*stay at home*) bagi sesetengah pihak diambil sambil lewa. Artikel mereka bertujuan menghuraikan konsep *Hifz al-Nafs* (menjaga nyawa) menurut Islam dalam menghadapi cabaran virus Covid-19. Beberapa hujah dan pandangan tentang kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa menepati prinsip Islam berdasarkan objektif Syariah. Artikel ini berteraskan penelitian perpustakaan dengan menganalisis pandangan ulama dan hujah primer melalui al-Quran dan Sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kempen yang digerakkan oleh pihak berkuasa melalui penjarakan fizikal terutama semasa solat berjemaah, pemakaian pelitup muka adalah menepati Maqasid Syariah iaitu bertujuan memelihara nyawa daripada kemudaratan yang lebih besar. Kajian ini jelas berfokus kepada pengaplikasian Maqasid *al-Nafs* dalam menghadapi cabaran Covid-19 dan ia jauh berbeza dengan artikel penulis kerana ia berkait rapat dengan analisis dalil *Hifz al-Nafs* itu sendiri.

(Thaidi, Rahman, Rahman, & Mansor, 2021) dalam artikelnya bertajuk **“Pencapaian Maqasid *Hifz al-nafs* Ketika Pandemik ke Arah Merealisasikan WKB 2030”** telah menggariskan beberapa objektif antaranya untuk menstruktur semula ekonomi yang progresif, menangani jurang ekonomi antara masyarakat dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu dan makmur. Namun dengan berlakunya pandemik COVID-19 yang mengancam nyawa telah sedikit sebanyak mengganggu usaha merealisasikan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Islam telah menggariskan konsep *Hifz al-Nafs* yang perlu dicapai bagi memelihara nyawa manusia. Walau bagaimanapun, masih tidak jelas bagaimanakah pencapaian *Hifz al-Nafs* dapat dilakukan ketika berlakunya bencana pandemik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kaedah bagi melaksanakan *Hifz al-nafs* dalam konteks pandemik. Kaedah metodologi kepustakaan, induktif dan deduktif digunakan secara konsisten. Hasil kajian menunjukkan bahawa *Hifz al-nafs* boleh dilaksanakan dan dicapai melalui konsep wasilah mengikut isu, konteks and realiti yang spesifik. Kajian ini mencadangkan tiga wasilah utama untuk mencapai *Hifz al-nafs* dalam ketika pandemik. Kajian ini turut berfokus kepada pengaplikasian Maqasid *al-Nafs* dalam cabaran menghadapi pandemik Covid-19 dan ia tidaklah membincangkan secara khusus tentang analisis pendalilannya.

Selain daripada artikel-artikel lepas yang telah disoroti pengkaji, perincian berkaitan dengan metodologi kajian dalam menyelesaikan artikel ini turut dihuraikan agar hasil dapatan mencapai objektif dan persoalan kajian. Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana sebuah kajian itu ingin dijalankan dengan menghasilkan dapatan yang berkualiti untuk dimanfaatkan bersama (Siti Adibah & Siti Zubaidah, 2018). Oleh itu, pengkaji telah mengatur metodologi kajian dan strategi-strategi yang telah digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu daripada tiga aspek penting iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.



Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metode kajian. Oleh itu, falsafah di sebalik kajian pengkaji ini adalah interpretif iaitu berupaya untuk menjelaskan, memahami dan menafsirkan suatu makna dan simbol yang dimunculkan oleh responden dalam satu-satu realiti sosial yang dikaji (Rasalina 2017, hlm. 51-62). Selain itu juga, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengadaptasi reka bentuk kajian. Menurut Miles dan Huberman (1994), kajian kualitatif ialah satu reka bentuk kajian yang berasaskan kepada *by word and picture* atau satu kajian yang dibuat menggunakan huraian dan pelaporan secara *verbatim* (ayat demi ayat atau frasa demi frasa) tanpa sebarang cerapan statistik.

Manakala kaedah pengumpulan dan analisis data pula pengkaji telah mengadaptasikan kaedah analisis kandungan dokumen dalam artikel ini. Menurut Creswell, proses analisis data ini juga turut merupakan salah satu teknik khusus bagi kajian kualitatif (Creswell 2009). Adapun sampel yang digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis teori *Hifz al-nafs* ini adalah empat dalil yang diambil daripada nas utama umat Islam iaitu al-Quran al-Karim. Keempat-empat dalil ini disokong oleh literatur-literatur lepas yang mempunyai terma *al-nafs* mahupun *al-anfus* di dalamnya. Dalil-dalil tersebut ialah daripada Surah al-Ra'd ayat 28, Surah al-Shams ayat 7-10, Surah al-Fajr ayat 27-28 dan Surah Yusuf ayat 53.

## **ANALISIS SURAH AL-RA'D: AYAT 28**

Teori *Hifz al-Nafs* dianalisis pengkaji di dalam Surah al-Ra'd ayat 28 yang bermaksud:

*(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.*

(Al-Ra'd, 13:28)

Menurut Wahbah al-Zuhayli, Allah menuturkan siapa saja yang berhak mendapatkan hidayah dan petunjuk Allah adalah merujuk kepada orang-orang yang membenarkan dan mempercayai Allah dan rasul-rasulnya. Hati mereka merasa tenang dan nyaman dengan mengingati Allah, mengesakanNya, dan mengingati janjiNya. Juga merasa nyaman bersandar dan sentiasa berharap kepadanya (al-Zuhayli, 2016). Secara tekstual, pemahaman dari ayat ini menunjukkan bahawa dengan zikrullah hati akan menjadi tenang. Apa yang dimaksudkan dengan zikrullah (mengingat Allah SWT) dalam ayat tersebut adalah mengingati janji-janji Allah (Istiqomah, 2020). Terdapat banyak pentafsiran tentang ayat di atas, namun dari sekian tafsiran semua menyatakan bahawa zikir memiliki manfaat yang sama, yakni bahawa zikir merupakan suatu amalan ibadah yang membawa ketenangan bagi siapa saja yang mengamalkannya (Fahmi, 2019).

Secara praktikal, zikir akan mendatangkan kebahagiaan, menenteramkan jiwa, serta sebagai ubat penyakit hati. Seseorang yang terbiasa berzikir, ia akan merasa dirinya



dekat dengan Allah, berada dalam lindungan-Nya yang kemudian akan membangkitkan rasa percaya diri, perasaan aman, kekuatan, tenteram dan bahagia (Bustomi, Sanah, & Siregar, 2020). Ayat ini juga turut menjelaskan bahawa zikir dapat menenteramkan jiwa serta menerangi lubuk hati seseorang, sehingga jiwanya mengarah kepada hal-hal yang baik dan terhindar dari perbuatan maksiat (Ilyas, 2017). Konsep zikir menunjukkan bahawa zikir melatih jiwa dalam mengabdikan diri kepada Allah (Zuhri 2020). Ia merupakan satu jalan untuk dekat kepada Allah supaya minda menjadi tenang di dunia dan akhirat. Zikir juga merupakan teknik untuk menguatkan keimanan dalam memberi nilai positif dalam kehidupan (Safira & Auliyah, 2018). Sesiapa yang mempercayai dan hatinya berasa cukup dengan mengingati Allah tanpa keraguan akan menemui kepuasan dan ketenangan (Alias, 2012).

Dalil ini jelas membuktikan bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu berada dari dimensi rohani di bawah skop “penyucian jiwa”. Penyucian jiwa merupakan salah satu kaedah yang dianjurkan oleh Allah bagi memastikan jiwa-jiwa manusia sentiasa berada dalam keadaan yang tenang. Dalam ayat ini Allah SWT telah memperingatkan hambanya agar sentiasa berzikir kepada Allah SWT kerana nescaya dengan zikir-zikir itu akan dapat menyucikan jiwa-jiwa mereka sekali gus memelihara jiwa daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Di samping itu, berzikir atau mengingati Allah SWT itu juga merupakan salah satu cara umat Islam untuk meningkatkan semangat spiritual (Aditama, 2017). Sesungguhnya menjaga jiwa dari dimensi rohani ini memberikan latihan kepada manusia agar tidak mengorbankan jisim dan nyawa manusia itu sendiri pada masa akan datang. Oleh itu maksud tersirat daripada dalil ini membuktikan bahawa Allah SWT sangat-sangat menganjurkan hambanya untuk menjaga jiwa bukan sahaja dari menyelamatkan nyawa sahaja, bahkan menjaga rohani dalam penyucian jiwa itu sendiri.

### **ANALISIS SURAH AL-SHAMS: AYAT 7-10**

Seterusnya teori *Hifz al-Nafs* dianalisis pengkaji dalam Surah al-Shams ayat 7-10 yang mana Allah telah berfirman dengan maksudnya:

*Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan). Dan sesungguhnya rugilah orang yang menjadikan dirinya itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*

(Al-Shams, 91:7-10)

Menurut Wahbah al-Zuhayli, orang yang menyucikan, mendidik, dan meningkatkan dirinya dengan ketakwaan dan amal soleh, sesungguhnya dia telah berhasil mendapatkan segala yang dia minta dan inginkan. Sesungguhnya rugilah orang yang menyesatkan dan membiarkan dirinya, tidak mendidiknya, dan tidak menggunakannya dalam beribadah dan beramal soleh. Ini adalah jawab *qasam*



(sumpah) yang ada di permulaan surah ini. Allah telah bersumpah dengan makhluk-makhluk ini kerana ia merupakan keajaiban ciptaan yang menunjukkan keesaanNya. Dia sentiasa mengingatkan hamba-hambanya dengan menyebut ciptaanNya di dalam sumpah dengan berbagai macam makhluk-makhlukNya yang mempunyai manfaat besar sehingga seseorang akan merenung dan mensyukuriNya (al-Zuhayli, 2016, hlm. 548-550).

Menerusi ayat ini, jiwa manusia mempunyai kecenderungan untuk berbuat baik dan berbuat jahat. Untuk menghindari perbuatan jahat maka manusia harus membersihkan jiwa dari sifat-sifat tercela, membuang seluruh penyakit hati, dan menghiasi jiwa dengan sifat-sifat terpuji (Hanum & Rijal, 2021). Manusia sebagai makhluk istimewa dan terpilih. Salah satu anugerah Allah SWT yang diberikan kepada manusia adalah menjadikan manusia mampu membezakan kebaikan dan kejahatan atau kedherhakaan dari ketakwaan. Dalam naluri manusia itu, Allah menanamkan kesiapan dan kehendak untuk melakukan kebaikan atau keburukan sehingga manusia mampu memilih jalan yang menjerumuskannya pada kebinasaan (Rahman, 2016). Bukan itu sahaja bahkan manusia itu juga dibekali dengan potensi-potensi yang sama untuk berbuat baik atau buruk, mengikut petunjuk atau kesesatan. Ia mampu membezakan antara yang baik dan yang buruk, sebagaimana ia juga mampu untuk mengarahkan jiwanya kepada kebaikan atau keburukan (Qutub, 1965).

Dalil ini jelas membuktikan bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu juga berada dari dimensi Rohani di bawah skop "penyucian jiwa". Ia juga dapat diertikan sebagai *tarbiyyah ruhaniyyah* (pendidikan rohani) atau dalam istilah moden disebut dengan pendidikan spiritual, pendidikan hati, pendidikan rohani, kecerdasan rohani, kecerdasan spiritual, kecerdasan emosi, *multiple intelligences*, pengurusan kalbu, dan beragam istilah lainnya. Dari sekian, banyak istilah tersebut, istilah yang tepat untuk pendidikan rohani adalah *tazkiyyah al-nafs* atau penyucian jiwa seperti yang diistilahkan oleh pengkaji (Subri & Bachtiar, 2019).

Allah SWT memperingatkan hambanya agar sentiasa membersihkan jiwa mereka dengan melakukan amal-amal soleh dan meninggalkan perkara-perkara maksiat yang dilarang olehnya. Allah SWT menjanjikan kejayaan kepada hambaNya yang menjaga jiwa dan amatlah rugi buat hamba yang mengotori jiwa mereka. Apabila jiwa manusia itu kotor, maka rosaklah jisim mereka sekali gus berpaling dengan kehendak tuhanNya yang mewajibkan manusia itu menjaga jiwa. Sesungguhnya menjaga jiwa dari dimensi rohani ini memberikan latihan kepada manusia agar tidak mengorbankan jisim dan nyawa manusia itu sendiri pada masa akan datang. Oleh itu maksud tersirat daripada dalil ini membuktikan bahawa Allah sangat-sangat menganjurkan hambanya untuk menjaga jiwa bukan sahaja dari menyelamatkan nyawa sahaja, bahkan menjaga rohani dalam penyucian jiwa itu sendiri.

### **ANALISIS SURAH AL-FAJR: AYAT 27-28**

Teori *Hifz al-Nafs* turut digali maksud tersiratnya di dalam Surah al-Fajr ayat 27-28. Sesungguhnya Allah telah berfirman dalam ayat ini dengan maksudnya:



*Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang  
reda dan diredai.*

(Al-Fajr: 89:27-28)

Menurut Jalalayn, maksud (Hai jiwa yang tenang) ialah jiwa yang beriman. Manakala maksud (Kembalilah kepada Rabbmu) merupakan perkataan yang diucapkan kepadanya sewaktu ia menjelang mati. Ini bermaksud kembalilah kamu kepada perintah dan kehendaknya (dengan hati yang puas) akan pahala yang kamu terima (lagi diredai) di sisi Allah SWT. Ini kerana semua amal perbuatanmu itu diredai di sisinya. Jiwa yang beriman itu merasa puas dan diredai. Kedudukan kedua-dua lafaz ini menjadikan kata keterangan kepada keadaan pada hari kiamat nanti (Jalalayn 2003, hlm. 1324).

Makna "irji'i" memungkinkan ditafsiri sebagai membersihkan hati dari perkara buruk, melihat dan memperhatikan Tuhannya serta tidak memperhatikan yang lainnya (Sanar, 2013). Daripada ayat ini juga, Allah menyeru jiwa yang tenang dan damai ketika dimatikan, iaitu jiwa yang suci kerana iman dan amal soleh yang dikerjakannya pada waktu hidupnya sehingga memperoleh apa yang dijanjikan Allah kepadanya (RI, 2015). Jiwa yang tenang jika disamakan dalam kehidupan sehari-hari maka dapat membangun kesihatan mental yang ditandai dengan sentiasa beriman kepada Allah, selalu berfikir positif terhadap pelbagai keadaan atau kejadian negatif yang sedang menyimpannya (Zulianto, 2015). Antara ciri-ciri orang yang berjiwa tenang adalah beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, selalu suci, ertinya tidak terumbang-ambing hawa nafsu, menghabiskan malam untuk beribadah kepada Allah, merendahkan diri (tidak sombong), dermawan dan menghiasi kehidupan dengan kebaikan (Prasasti, 2015).

Dalil ini jelas membuktikan bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu juga berada dari dimensi Rohani di bawah skop "Penyucian Jiwa". Penyucian jiwa turut diertikan sebagai *al-nafs al-Mutma'innah* iaitu jiwa yang tenang dengan zikir dan taat kepada Allah sehingga damai pada dunianya serta jiwa yang telah menyerah penuh dan tawakal kepada Tuhannya (Sanar, 2013). Allah SWT telah memberikan bayangan kepada hambanya yang mempunyai jiwa yang tenang iaitu dalam kalangan orang-orang beriman dengan kematian yang sangat diredai. Ini merupakan ingatan Allah kepada hambanya agar sentiasa menyucikan jiwa dengan keimanan yang teguh agar kematian yang menanti sentiasa diredai oleh-Nya. Apabila jiwa manusia itu tenang, maka iman mereka juga akan teguh dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan jisim mereka. Sesungguhnya menjaga jiwa dari dimensi rohani ini memberikan latihan kepada manusia agar tidak mengorbankan jisim dan nyawa manusia itu sendiri pada masa akan datang. Oleh itu maksud tersirat daripada dalil ini membuktikan bahawa Allah SWT sangat-sangat menganjurkan hambanya untuk menjaga jiwa bukan sahaja dari menyelamatkan nyawa sahaja, bahkan menjaga rohani dalam penyucian jiwa itu sendiri.



## ANALISIS SURAH YUSUF AYAT 53

Seterusnya teori *Hifz al-nafs* dianalisis pengkaji dari Surah Yusuf ayat 53 yang bermaksud:

*Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

(Yusuf: 12: 53)

Menurut Wahbah Zuhaili, dalam pendapat yang *marjuh* (dikuatkan), ayat tersebut adalah ucapan Nabi Yusuf a.s. Maknanya al-Aziz, seorang pemimpin yang dihormati pada zaman tersebut tahu bahawa Nabi Yusuf a.s tidak mengkhianatinya iaitu melakukan perbuatan yang tidak elok bersama isterinya ketika ketiadaan beliau di rumah. Tidak pula Nabi Yusuf a.s mengkhianati kepercayaan yang telah dibebankannya kepadanya. Namun sebagai manusia, Nabi Yusuf a.s juga tidak membebaskan diri beliau (dari kesalahan) kerana sesungguhnya nafsu selalu menyuruh kepada kejahatan kecuali nafsu yang dijaga oleh Allah SWT dari perbuatan dosa dan mendapat petunjuk untuk selalu istiqamah atau konsisten dalam melaksanakan kebaikan. Nafsu seperti itu adalah nafsu para nabi dan orang-orang soleh. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun jika orang-orang yang berdosa memohon keampunan taubat dan segera kembali kepada Allah agar dibersihkan dari dari pada segala dosa dan maksiat (Wahbah Zuhaili 2013).

Daripada ayat ini dapatlah difahami bahawa Nabi Yusuf a.s berani menolak keinginan nafsu Zulaikha, berani menyampaikan kejujurannya, berani mengambil risiko dipenjara dan berani mempertahankan diri dalam mempertahankan kebenaran. Dengan demikian keberanian itu terletak pada kesanggupan mengendalikan diri dan mental dalam keadaan apapun dan tetap tenang dalam menghadapi situasi cemas sekalipun (Chatirul Faizah 2015). Seorang yang menjaga kehormatan diri sentiasa menjauhkan diri daripada segala perkara yang dilarang oleh Allah SWT. Jika telah dirasa pergaulan antara perbezaan jantina itu mulai mendekati pada perbuatan zina, seorang yang memiliki sifat *iffah* akan segera menjauhinya agar sentiasa menjaga kehormatan dirinya (Anshar Zulhelmi 2022). Sesungguhnya manusia itu tidak pernah bebas dari kesalahan, sungguhpun hawa nafsu itu benar-benar mendorong kepada kejahatan, kemudharatan, kesesatan dan juga kebathilan kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Allah (M.Sauki al-Mubarak 2015).

Dalil ini jelas membuktikan bahawa teori *Hifzu al-Nafs* itu juga berada dari dimensi rohani di bawah skop "Penyucian Jiwa". Kisah nabi Allah Yusuf ini memberikan pengajaran kepada hambanya agar sentiasa berhati-hati dengan nafsu kejahatan. Alangkah seorang nabi itu pun tidak lari dari nafsu yang mendorong untuk melakukan kejahatan, apatah lagi manusia biasa. Sesungguhnya urusan jiwa manusia itu adalah sesuatu yang buruk kerana kecenderungan mereka kepada keinginan (Sulaiman al-Asyqar 2013). Oleh itu, hanya jiwa yang bersih sahaja mampu menghalang nafsu kejahatan ini menguasai diri manusia. Tambahan lagi, apabila seseorang manusia itu



mampu menjauhi diri mereka dari nafsu kejahatan, nescaya mereka ini tidak akan melakukan perkara-perkara yang akan merosakkan jisim mereka. Sesungguhnya menjaga jiwa dari dimensi rohani ini memberikan latihan kepada manusia agar tidak mengorbankan jisim dan nyawa manusia itu sendiri pada masa akan datang. Oleh itu maksud tersirat daripada dalil ini membuktikan bahawa Allah sangat-sangat menganjurkan hambanya untuk menjaga jiwa bukan sahaja dari menyelamatkan nyawa sahaja, bahkan menjaga rohani dalam penyucian jiwa itu sendiri.

## KESIMPULAN

Daripada keempat-empat dalil berkaitan dengan *Hifz al-Nafs* yang telah dianalisis pengkaji ini, dapatlah pengkaji rumuskan bahawa teori *Hifz al-Nafs* itu adalah merujuk kepada menjaga jiwa yang berada di bawah dimensi rohani iaitu "penyucian jiwa". Ini bermaksud, menjaga jiwa yang berada di bawah skop ini terarah untuk memastikan rohani manusia sentiasa bersih. Untuk memastikan jiwa sentiasa suci dan bersih, maka jiwa itu mestilah dijaga dengan mengawal hawa nafsu dari melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Tuntutan melakukan perkara-perkara mulia adalah sangat ditekankan dalam teori ini. Amalan-amalan mulia seperti berzikir, berselawat, berwirid dan sebagainya merupakan perkara-perkara yang terarah untuk menjaga jiwa dari dimensi ini. Apabila rohani manusia itu terjaga, maka ia sekali gus memelihara diri manusia itu daripada melakukan perkara-perkara yang boleh meragut nyawa. Pengkaji mencadangkan agar artikel ini dapat diperluaskan lagi oleh pengkaji-pengkaji akan datang dengan melihat teori *Hifz al-Nafs* itu pada sudut pendalilan yang lain pula.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kajian ini ditujukan kepada Dr. Zul-kifli Bin Hussin selaku penyelia, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial serta Pusat Pascasiswazah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).

## RUJUKAN

- Abu Rayya. (2012). *Towards a Systematic Quranic Theory of Personality*. *Mental Health, Religion & Culture*, 15(3), 217-233.
- Aditama, D. (2017). Hubungan Antara Spiritualitas dan Stres pada Mahasiswa yang Mengerjakan Skripsi. *El-Tarbawi Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2).
- Alias, J., Mat, N., Muslim, N., Hassan, W. Z., Basir, A., & Kasan, H. (2012). Managing Bipolar Disorder and Manic-Depressive Psychosis (MDP) According to Western and Islamic Approaches. *Research Journal of Applied Sciences*.
- Aris, N. M., Rameli, M. F., Daud, N. M., & Nordin, B. (2020). Kepentingan Makanan dalam Menjamin Hifz al-Nafs. *Journal of Human Capital Development*, 13(2), 61-74.



Didapatkan Julai 26, 2022, daripada  
<https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/6166/4091>

- Al-Asyqar, M. (2013). *Zubdah at-Tafsir Bihamisy Mushaf al-Madinah al-Munawwarah*. Dar al-Nafais, Jordan.
- Bustomi, J., Sanah, S., & Siregar, Z. U. (2020). Menyikapi Wabah Penyakit COVID-19 dalam Bertasawuf. Kertas Kerja Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Creswell. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Fahmi, L. (2019). Terapi Berkala Kombinasi Bimbingan Konseling Islam dengan Rational Emotif Behavior Therapy (REBT) pada Penanganan Perilaku Agresif Anak di SD Al-Falah Assalam Tropodo Sidoarjo. *Proceeding of International Conference on Da'wa and Communication*. 1. Fakultas Dakwah dan Komunikasi UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Faizah, C. (2015). Ajaran Moral dalam Kisah Nabi Yusuf A.S. (Postgraduate Thesis). Jurusan Tafsir Hadis Fakultas Usuluddin, UIN Walisongo Semarang.
- Al-Ghazzali, M. I. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* (Jld. 1). Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Hanum, R., & Rijal, F. (2021). Nilai-nilai Tazkiyat An-Nafs dan Implimentasinya dalam Pendidikan Anak (Kajian Surah Asy-Syams ayat 7-10). *Jurnal Fitrah* , 3(2).
- Harun, H. B., & Ali, H. B. (2021). Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Syariah dalam Menghadapi Pandemi Covid-19. *International Conference On Syariah & Law2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference*, (hlm. 57-70). Didapatkan Julai 26, 2022, daripada <http://conference.kuis.edu.my/iconsyal/images/eprosiding/1006.pdf>
- Ibn Manzur. (2012). *Lisan al-'Arab*.
- Ilyas, R. (2017). Zikir dan Ketenangan Jiwa: Telaah atas Pemikiran al-Ghazali. *Mawa'izh Jurnal Dakwah dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 8(7).
- Istiqomah, H. (2020). *Zikir dan Implementasinya Sebagai Penenang Hati (Kajian Tematik Surah al-Ra'd Ayat 28)*. Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Jalalayn. (2003). *Terjemahan Tafsir Jalalayn* (ed. Pertama, Jld. 2). (B. A. Bakar, Penterjemah) Sinar al-Gensindo.
- Al-Juwayni. (2003). *Mughith al-Khalq fi Tarjih al-Qawl al-Haqq*. Beirut: Al-Matba'ah al-'Asriyyah.



- Miles, B., & Huberman, M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. California: Sage.
- Mohamad, A. D., Hamjah, S. H., Mokhtar, A. I., & Ghani, M. Z. (2017). *Tazkiyat al-nafs dalam Kerangka Maqasid al-Shari'ah*. *Al-Hikmah*, 9(2), 87-98. Didapatkan Julai 26, 2022, daripada <http://journalarticle.ukm.my/11204/1/252-1095-1-PB.pdf>
- Al-Mubarak, M. S. (2015). Upaya Syar'i dalam menjaga dan memelihara kemuliaan wanita muslimah menurut penafsiran Ahmad Mustafa al-Maraghi. (Postgraduate Thesis). Fakultas Usuluddin dan Studi Agama, UIN Sulthan Thaha Saifuddin
- Munawwir, A. W. (1996). *Al-Munawwir Kamus Arab-Indonesia Terlengkap*. Surabaya: Pustaka Progresif.
- Prasasti, L. (2015). Strategi Pendidikan dari QS Al-Fajr ayat 27-30 terhadap Upaya Seorang Muslim Mencapai Kesehatan Mental. *Jurnal SPeSIA Pendidikan Agama Islam*, 1(1).
- Qutub, S. (1965). *Juz 30 Surah Asy-Syams, Kitab Tafsir Fi Zhilalil-Quran XII*. Indonesia: Gema Insani.
- Rahman, N. (2016). *Karakteristik Manusia Tela'ah Tematik Tafsir Al Asas Said Hawa*. Palembang: NoerFikri Palembang Indonesia.
- Raysuni, A. (2014). *Nazariyyah al-Maqasid 'Ind al-Imam al-Shatibi*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- RI, K. (2015). *Al-Quran dan Tafsirnya (Juz 28-30)*. Jakarta : Widya Cahaya.
- Rosalina, Y. (2017). Masuknya Paradigma Interpretif pada Kajian Ilmu Akuntansi. *Jurnal Analisa Akuntansi dan Perpajakan*, 1(1), 51-62.
- Safira, L., & Auliyah, I. (2018). Dhikr as an Effort to Improve the Psychological Well-Being of Adolescent. *Proceeding The 1st International Conference on Islamic Guidance and Counseling 2018*. UIN Sunan Kalijaga.
- Sanar. (2013). Al-nafs Al-Muthmainnah dalam QS Al-Fajr, ayat 27-30 (Suatu Kajian Tafsir Tahlili). UIN Alauddin Makassar.
- Subri, & Bachtiar, A. (2019). *Pendidikan Ruhani dalam Al Quran*. *Jurnal INTIQAD Jurnal Agama dan Pendidikan Islam*.
- Thaidi, H. '., Rahman, M. F., Rahman, A. A., & Mansor, H. (2021). Pencapaian Maqasid Hifz al-nafs Ketika Pandemi ke Arah Merealisasikan WKB 2030. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030" (hlm. 432-435). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia. Didapatkan Julai 26,



2022, daripada  
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/14395/1/32.BM.%20SAIS2021%20-%20Pencapaian%20Maqasid%20Hifz%20Al-nafs%20Ketika%20Pandemik%20Ke%20Arah%20Merealisasikan%20WKB%202030.pdf>

Al-Zuhayli, W. (2016). *Terjemahan Tafsir al-Munir* (ed. Kedua, Jld. 7). (A. H. al-Kattani, Penterjemah) Germa Insani.

Zuhri, A., Anwar, H., & Marzuki, M. (2020). The Zikir Concept as a Medium of Quality Soul. *Al-Hikmah Jurnal Theosofi dan Peradaban Islam*, 2(1).

Zulhelmi, A. (2022). Bahasa Al-Quran di dalam Surah Yusuf mengatasi Kemerosotan Akhlak Pemuda di Zaman Modern: Studi Analisis Menggunakan Metode Kisah Teladan Nabi Yusuf. *Proceeding ICIS Vol. 1 No. 1*. UIN ar-Raniry.

Zulianto, F. N. (2015). Konsep Jiwa yang Tenang dalam Surat al-Fajr ayat 27-30 dan Implimentasinya dalam Kesehatan Mental (Analisis Bimbingan Kaunseling Islam). UIN Walisongo Semarang.